

1983

JOHOR BAHRU, 5 MAC (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN KESATUAN DALAMANA YANG DICADANGKAN AKAN MELINDUNGI KEPENTINGAN PEKERJA DENGAN LEBIH BAIK KERANA MEREKA BOLEH MENGEMUKAKAN SEGALA PERMINTAAN SECARA TERUS DENGAN MAJIKAN MASING-MASING.

PERDANA MENTERI BERKATA KESATUAN TERSEBUT JUGA MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PEKERJA BERSAMA-SAMA MEMASTIKAN KEJAYAAN SESEBUAH SYARIKAT DENGAN BEKERJA LEBIH KUAT SUPAYA KEUNTUNGAN SYARIKAT MASING-MASING KELAK DAPAT DISALURKAN KEPADA MEREKA.

MEREKA JUGA BOLEH MENGAMBIL BAHAGIAN YANG SAMA DALAM MENENTUKAN KEMAJUAN SYARIKAT DENGAN MENGEMUKAKAN IDEA DAN CADANGAN YANG BOLEH MENINGKATKAN PENGELUARAN SYARIKAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN KURSUS TIGA HARI MENGENAI BURUH DAN TENAGA RAKYAT ANJURAN BIRO BURUH UMNO MALAYSIA DI DEWAN KELAB GOLF TASIK UTARA, DEKAT SINI.

BELIAU MENJELASKAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DAN KESATUAN KEBANGSAAN YANG ADA TIDAK BOLEH MELINDUNGI KEPENTINGAN PEKERJA SYARIKAT YANG KECIL UNTUK BERKEMBANG MAJU KERANA SYARIKAT BERKENAAN TIDAK MAMPU MEMBAYAR GAJI LEBIH BESAR DAN LAIN-LAIN TUNTUTAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA PEKERJA. --LAGI 1440/MD

MAHATHIR-KESATUAN 2 JOHOR BAHRU

+KITA HARUS SEDAR DALAM NEGARA INI MASIH ADA SYARIKAT KECIL YANG BARU CUBA MEMBANGUN, TERUTAMA BUMIPUTERA DAN JIKA MEREKA DIKENAKAN SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KEPADA SYARIKAT BESAR YANG LEBIH MAJU, SUDAH TENTU SYARIKAT KECIL ITU TIDAK AKAN DAPAT MAJU JAYA DAN AKHIRNYA LENYAP BEGITU SAHAJA,+ TAMBAH PERDANA MENTERI.

KATANYA JIKA PEKERJA SYARIKAT KECIL ITU MEMINTA TUNTUTAN BAYARAN GAJI YANG BESAR SEPERTI YANG DIBAYAR OLEH SYARIKAT MAJU SUDAH TENTU IA TIDAK MAMPU BERBUAT DEMIKIAN.

BELIAU YAKIN PENUBUHAN KESATUAN YANG TERHAD KEPADA SATU PERNIAGAAN SAHAJA SEPERTI YANG DICADANGKAN AKAN MEMBANTU SYARIKAT KECIL BERKEMBANG MAJU YANG PEKERJANYA BEKERJA DENGAN LEBIH GIAT UNTUK MEMBOLEHKAN SYARIKATNYA BERSAINGAN DENGAN SYARIKAT LAIN DAN SEGALA KEUNTUNGANNYA DAPAT DINIKMATI SAMA RATA.

DI SAMPING ITU, TAMBAHNYA, DENGAN KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI, PARA PEKERJANYA BOLEH BERUNDING TERUS UNTUK MENDAPAT NIKMAT GAJI YANG LEBIH BESAR.

BELIAU BERKATA KERJASAMA YANG TERJALIN ANTARA KESATUAN SEKERJA DENGAN MAJIKAN MENERUSI KESATUAN DALAMANA BUKAN SAHAJA AKAN MENGUNTUNGAN NEGARA DAN RAKYAT TETAPI JUGA MEMASTIKAN KEJAYAAN PERSYARIKATAN MALAYSIA YANG DICADANGKAN. -- LAGI 1510/MD

MAHATHIR-KESATUAN 3 JOHOR BAHRU

+KITA TIDAK MAHU MELIHAT MANA-MANA SYARIKAT RUGI KERANA IA JUGA AKAN MENJEJASKAN PEKERJA KERANA TIDAK ADA KERJA, MENYUSAHAKAN MAJIKAN KERANA TIDAK ADA PELABURAN DAN JUGA RAKYAT YANG TIDAK DAPAT MENIKMATI PEMBANGUNAN KERANA KERAJAAN TIDAK MENERIMA KUTIPAN CUKAI DARIPADA KEUNTUNGAN SYARIKAT-SYARIKAT.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT KESATUAN KEBANGSAAN DAN KESATUAN SEKERJA YANG ADA SEKARANG YANG DITIRU DARI BARAT DITUBUHKAN MENGIKUT PERUSAHAAN, UMPAMANYA MEREKA YANG BEKERJA DALAM BIDANG LOGAM DIKUMPULKAN DALAM SATU KESATUAN TANPA MENGIRA DI MANA PEKERJA ITU DITEMPATKAN.

+PENUBUHAN KESATUAN DALAMAN INI TIDAK HARUS DIANGGAP SEBAGAI KERAJAAN NAK MEMBUBARKAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA YANG ADA SEKARANG TETAPI CUMA MELINDUNGI KEPENTINGAN PARA PEKERJA TERUTAMA DENGAN ADANYA PEKERJA YANG MASIH BELUM MEMPUNYAI SEBARANG KESATUAN SEKERJA,+ TAMBAHNYA.

BELIAU KEMUDIAN MENYERU PEKERJA TEMPATAN MENCANTOHI JEPUN YANG PEKERJANYA LEBIH SUKA MENYERTAI KESATUAN YANG TERHAD KEPADA SYARIKATNYA SAHAJA. --LAGI 1517/MD

MAHATHIR-KESATUAN 5 JOHOR BAHRU

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYOROT KEMBALI KEGIATAN BRITAIN SEMASA LEPAS PERANG DUNIA KEDUA YANG MENGHANTAR PEGAWAI KHAS UNTUK MENYUSUN DAN MEMBERI NASIHAT KEPADA KESATUAN SEKERJA MEREKA.

+SEBAGAI SEORANG YANG TIDAK PERNAH MERASA KASIH SAYANG DARIPADA PENJAJAH SAYA SYAK INI BUKAN UNTUK MENOLONG KITA TETAPI UNTUK MEMPENGARUHI KESATUAN SEKERJA JANGAN BEKERJA KUAT SUPAYA MEREKA DAPAT MENGUASAI ANGGOTA KESATUAN SEKERJA KITA+, TEGASNYA.

BELIAU BERKATA PARA PEKERJA HARUS BERWASPADA BAHAWA BARAT MASIH INGIN MEMPERLUASKAN PENJAJAHAN MERKA KE SINI SUNGGUHPUN NEGARA INI TELAH MERDEKA.

TEGASNYA PARA PEKERJA JUGA JANGAN MENIRU PEKERJA BRITAIN YANG SEPANJANG MASA BERKONFRONTASI DENGAN MAJIKAN MEREKA DAN MEMPUNYAI SIKAP +KITA PEKERJA DAN AWAK MAJIKAN+. -- BERNAMA 1549/OD